

Sampai Hati Nazri Aziz Kritik Dr. M

Oleh: PEMERHATI POLITIK

R A M A I pembaca *ERA BARU* yang menelefon melahirkan kekecewaan, kekesalan dan kemarahan mereka terhadap Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Nazri Aziz di atas kenyataan beliau mengkritik bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan mengeluarkan kata-kata keras yang tidak sesuai langsung dikeluarkan oleh seorang yang pernah berada di bawah Tun Dr. Mahathir dan juga pernah menerima pelbagai pertolongan dari bekas Perdana Menteri itu.

Alangkah eloknya jika Nazri memilih untuk lebih berhati-hati sebelum mengeluarkan perkataan-perkataan yang menguris perasaan Tun Dr. Mahathir.

Selepas membuat kenyataan dalam Dewan, Nazri masih tidak puas hati maka beliau terus membuat komen yang lebih pedas dan mencabar. Ini sudah tentunya mengguris lagi perasaan Dr. Mahathir apabila Nazri mengulangi kritiknya apabila bercakap kepada para pemberita di luar Dewan.

Apakah tindakan Nazri itu perlu apatah lagi ia ditujukan kepada bekas ketuanya yang suntu hari dahulu beliau begitu hormati dan kasihi?



Dato' Nazri Aziz

Dengarnya Nazri berasa begitu kesal dengan perbuatannya itu tetapi seperti kata pepatah "*terlanjur perahu boleh diundur tetapi terlanjur cakap buruk padahnya*":

Kini tidak syak lagi Nazri berasa amat bersalah dan apa yang beliau boleh lakukan ialah memohon maaf secara terbuka kepada Tun Dr. Mahathir di atas keterlaluan beliau itu dan lebih murni lagi jika Nazri sanggup merendahkan diri menemui Tun Dr. Mahathir sendiri untuk memohon maaf.